

30 MAR 1999

Pemuda

MAJLIS PEMUDA UMNO DIROMBAK

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno telah merombak struktur majlisnya dan menyusun semula barisan kepimpinan di beberapa negeri dalam usaha memastikan ia dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan dan efisien.

Langkah itu diputuskan pada mesyuarat bulanan pergerakan berkenaan yang dipengerusikan oleh Pemangku Ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein di sini hari ini.

Hishammuddin pada persidangan berita selepas mesyuarat lebih tiga jam itu berkata majlis pergerakan itu yang sebelum ini sebanyak 22 telah dirombak menjadi 11 sahaja.

Ini dilakukan dengan menggabungkan sesetengah daripada majlis itu, katanya.

Mesyuarat itu juga bersetuju sebulat suara melantik Mohd Suparadi Md Noor sebagai Ketua Penerangan dan Ketua Pemuda Pontian Hasni Mohamad dan Ketua Pemuda Kuala Terengganu Datuk Wan Ahmad Farid Datuk Wan Salleh sebagai anggota baru Exco.

Beliau berkata di peringkat negeri pula, Kelantan menyaksikan kepimpinan yang baru yang diketuai oleh Zahari Kechik, dengan Naib Ketua Ahmad Jazlan Haji Yaakub, Setiausaha Dali Hussin, Bendahari Nik Kamaruddin Nik Omar dan Ketua Penerangan Abdul Aziz Awang.

Bagi negeri Sabah pula, Ketua Pemuda Kinabatangan Juhari Haji Janan dilantik sebagai Ketua Pemuda negeri manakala Aliasgar Basri sebagai Ketua Penerangan negeri.

Juhari menggantikan Jemma Khan Abdul Majid Khan yang juga anggota Exco Pemuda yang dipilih.

Johor juga mendapat Ketua Pemuda baru iaitu Dr Nasrah Salim dan Naib Ketua Jemangi Rekiyan.

Ayob Haji Jamil dan Jamil Amin pula masing-masing dilantik sebagai Bendahari dan Ketua Penerangan Pemuda Johor.

Bagi Perak pula, Nasir Ismail dilantik sebagai Setiausaha dan Ton Zailani Haji Mat Darus sebagai Ketua Penerangan.

Hishammuddin berkata majlis-majlis Pergerakan Pemuda selepas rombakan itu ialah:

+ Majlis Hal Ehwal Antarabangsa

Pengerusi: Abdul Azim Mohd Zabidi

Timbalan Pengerusi: Dr Sahmsul Anuar

+ Majlis Penerangan

Pengerusi: Mohd Suparadi Md.Noor

Timbalan Pengerusi: Wan Mohamad Khairil Anuar Haji Wan Ahmad

+ Majlis Hal Ehwal Agama

Pengerusi: Abdul Wahab Haji Din

+Majlis Ekonomi dan Pembangunan Usahawan

Pengerusi: Noordin Md Noor

+Majlis Kemahasiswaan dan Latihan

Pengerusi: Zein Isma Ismail

Timbalan Pengerusi: Zahidi Zainul Abidin

+Majlis Hal Ehwal Pengguna
Pengerusi: Abdul Aziz Sheikh Fadzir

+Majlis Kebudayaan, Belia dan Sukan
Pengerusi: Datuk Wan Ahmad Farid Datuk Wan Salleh

+Majlis Perumahan Rakyat, Setinggan dan Pembangunan Bandar
Pengerusi: Nur Jazlan Datuk Mohamed

+Majlis Pembangunan Luar Bandar
Pengerusi: Abdul Fattah Abdullah

+Majlis Briged Putra
Pengerusi: Haji Abdul Kadir Daud

+Majlis Pendidikan
Pengerusi: Haji Sheikh Hamlan Haji Din

Hishammuddin juga berkata mesyuarat itu bersetuju melantik empat orang Pemegang Amanah Yayasan Gerakbakti Kebangsaan terdiri daripada beliau sendiri, Zulkifli Alwi, Mokhzani Mahathir dan Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Di samping itu, pemegang amanah yang baru itu telah bersetuju melantik Hasni Mohamad sebagai Ketua Eksekutif yayasan berkenaan.

Hishammuddin berkata pertimbangan utama pada rombakan dan penyusunan semula itu ialah untuk memastikan "rakan-rakan" barisan kepimpinan Pemuda Umno diberi ruang untuk menyumbang dan bergerak secara berkesan dan optimum.

"Tumpuan ialah untuk memastikan agar gerak kerja Pemuda dapat direncana dan dilaksanakan secara efektif dan efisien serta tindakan Pemuda lebih fokus dan tepat mengenai sasaran," katanya.

Beliau berkata suasana hari ini memerlukan barisan kepimpinan Pemuda di semua peringkat menghayati dasar perjuangan parti secara total dan bersedia untuk membantu parti pada setiap masa.

Hishammuddin mengingatkan anggota pergerakan itu bahawa beliau akan mengambil tindakan tegas dan keras terhadap sesiapa sahaja yang bertindak jahat dan membuat apa sahaja untuk kepentingan politik individu atau kepentingan golongan tertentu sehingga negara dan rakyat diporak-perandakan.

Setiap aduan dan laporan terhadap anggota yang bertindak bertentangan dengan dasar parti akan disiasat, katanya.

-- BERNAMA

SJA NMO